

27/05/2000

Pahang pantau ladang setiap tiga bulan

KUANTAN, Jumaat - Kerajaan Pahang melalui Jabatan Pertanian akan melakukan pemantauan setiap tiga bulan terhadap pengusaha ladang di negeri ini, bagi memastikan mereka memaksimumkan penggunaan tanah untuk pengeluaran makanan dan ternakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kerajaan negeri sedar sesetengah ladang tidak menggunakan tanah secara sepenuhnya dan langkah mengenakan cukai tinggi, mungkin berkesan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara.

Malah, katanya, cadangan mengenakan cukai lebih tinggi itu wajar dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan negara.

"Jadi, sistem pemantauan bagi mengesan ladang yang gagal memaksimumkan tanah mereka adalah penting dan laporan pemantauan itu akan disampaikan kepada kerajaan negeri setiap tiga bulan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, di kediaman rasmi Menteri Besar, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dilaporkan berkata, kerajaan akan memberi insentif kepada pengusaha ladang yang memaksimumkan penggunaan tanah dengan menanam tanaman makanan dan kegiatan ternakan secara bercampur atau bergilir.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, pengusaha ladang yang gagal menggunakan tanah secara optimum mungkin dikenakan cukai lebih tinggi.

Sementara itu, Adnan berkata, Kerajaan Pahang menyokong dasar pertanian negara dan sedia menimbang memberi pajakan jangka pendek antara 10 hingga 15 tahun kepada syarikat atau individu bagi kegiatan pengeluaran makanan.

(END)